

Penelitian Awal Terjemahan Bahasa Melayu Bahagian Akidah dalam *Safīnah Al-Ṣalāh*

Preliminary Study on The Early Malay Translation of the Creed Section in *Safīnah Al-Ṣalāh*

AMIRUL HISHAM AFANDI & MOHD ZULKIFLI TALIB

ABSTRAK

Ulama Melayu sejak dahulu menghasilkan pelbagai karya terjemahan daripada bahasa Arab. Terjemahan mereka terdiri daripada pelbagai bentuk mengikut keperluan dan kesesuaian semasa. Justeru itu, masyarakat Melayu secara tidak langsung mempunyai banyak khazanah ilmu dalam bahasa mereka sendiri. Namun begitu, kajian dalam bidang ini masih boleh diteroka dengan meluas. Makalah ini bertujuan mengkaji terjemahan awal bahasa Melayu *Safīnah al-Ṣalāh* karya Abdullah bin Umar bin Yahya al-Ḥaḍramī. Karya ini mengandungi perbincangan akidah dan fiqh sembahyang. Penyelidik menumpukan kajian ini kepada bahagian akidah. Penyelidik mendapati masyarakat Melayu berinteraksi dengan bahagian akidah *Safīnah al-Ṣalāh* melalui dua terjemahan terawal. Terjemahan pertama (A) tidak dapat dikenal pasti pemiliknya, manakala terjemahan kedua (B) dilakukan oleh Syed Muhammad, seorang ulama Terengganu. Meskipun kedua-duanya menterjemah teks yang sama, terdapat perbezaan teks dan kaedah terjemahan yang dilakukan. Oleh itu, kajian dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan tersebut. Bagi menjalankan kajian kualitatif ini, penyelidik menggunakan kaedah analisis dokumen dan kaedah persejarahan. Selain itu, landasan teori Vinay & Darbelnet digunakan bagi menganalisis kaedah terjemahan yang digunakan. Hasil analisis mendapati terdapat tiga kaedah terjemahan telah digunakan iaitu terjemahan adaptasi, transposisi dan harfiah. Didapati terjemahan A menggunakan terjemahan adaptasi dan transposisi, manakala terjemahan B menggunakan terjemahan adaptasi, transposisi, dan harfiah. Justeru itu, A mempunyai teks yang lebih panjang dan lebih sesuai sebagai rujukan pemahaman akidah, manakala B mempunyai teks yang lebih ringkas dan lebih sesuai sebagai pengukuhan akidah. Implikasi kajian ini dapat mengangkat kembali salah satu khazanah ilmu alam Melayu. Hasilnya, generasi semasa dapat memahami peranan dan sumbangan ulama Melayu dalam memartabatkan masyarakat dengan ilmu. Di samping itu, kecenderungan dan ketelitian mereka dalam memilih sumber ilmu untuk diterjemahkan juga dapat dikenal pasti. Justeru itu, ia dapat menjadi panduan dalam perkembangan Islam semasa yang berdepan dengan pelbagai cabaran.

Kata kunci: Ulama Melayu; Kitab Jawi; *Safīnah al-Ṣalāh*; akidah; terjemahan

ABSTRACT

The Malay scholars have, since ancient times, produced various translations from the Arabic language. Their translations take various forms based on the needs and relevance of the time. Consequently, the Malay community indirectly possesses a vast treasure trove of knowledge in their own language. However, research in this field can still be widely explored. This paper aimed to study on the early Malay translation of *Safīnah al-Ṣalāh* by Abdullah bin Umar bin Yahya al-Ḥaḍramī. The work contains discussions on the creed (akidah) and the jurisprudence of prayer (fiqh sembahyang). The researcher focuses this study on the creed section only. It was found that the Malay community interacted with the creed section of *Safīnah al-Ṣalāh* through two of the earliest discovered translations. The first translation (A) cannot definitively identify its owner, while the second translation (B) was done by Syed Muhammad, a scholar from Terengganu. Although both translated the same text, there are differences in the texts and translation methods employed. Therefore, the study was conducted to identify these differences. To conduct this qualitative study, the researcher employed the method involving document analysis and historical research methods. In addition, the Vinay & Darbelnet translation theory was used to analyse the translation methods employed. The analysis revealed that three translation methods were used: adaptation, transposition, and literal translation. It was found that translation A used adaptation and transposition translation, while translation B used adaptation, transposition, and literal translation. Therefore, A has a longer text and is more suitable as a reference for understanding the creed, while B has a shorter text and is more suitable as a reinforcement of the creed. The implications of this study can revive one of the natural

knowledge treasures of the Malays. As a result, the current generation can understand the role and contribution of Malay scholars in uplifting society with knowledge. Furthermore, their tendency and precision in choosing sources of knowledge for translation can also be identified. Thus, it can serve as a guide in the development of contemporary Islam, facing various challenges.

Keywords: Malay Scholars; Kitab Jawi; Safīnah al-Ṣalāh; the creed; translation

PENGENALAN

Aktiviti menterjemah merupakan salah satu cara dakwah ulama Melayu. Mereka menterjemah karya-karya bahasa Arab kepada bahasa Melayu agar karya-karya ini dapat dirujuk oleh masyarakat. Dalam hal ini, ulama Melayu telah menghasilkan pelbagai bentuk karya terjemahan. Bentuk-bentuk terjemahan yang digunakan adalah terjemahan langsung dan tidak langsung. Justeru itu, makalah ini membincangkan teks terjemahan bahasa Melayu bagi bahagian akidah *Safīnah al-Ṣalāh*. Penyelidik menjelaskan lima aspek utama sebelum diakhiri dengan kesimpulan dan cadangan. Aspek pertama latar belakang *Safīnah al-Ṣalāh*. Aspek kedua bahagian akidah *Safīnah al-Ṣalāh*. Aspek ketiga terjemahan Melayu bahagian akidah *Safīnah al-Ṣalāh*. Aspek keempat perbandingan terjemahan bahagian akidah *Safīnah al-Ṣalāh*. Aspek kelima analisis perbandingan terjemahan bahagian akidah *Safīnah al-Ṣalāh*.

METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORI

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif. Bagi mengumpul data, penyelidik menggunakan kaedah analisis dokumen dan kaedah persejarahan. Penyelidik menganalisis dokumen seperti buku bagi mendapatkan maklumat mengenai *Safīnah al-Ṣalāh* dan terjemahannya dalam bahasa Melayu. Selain itu, penyelidik menggunakan kaedah persejarahan bagi mendapatkan maklumat mengenai tokoh-tokoh terlibat seperti Syed Muhammad bin Zainal Abidin, *Safīnah al-Ṣalāh* dan terjemahannya dalam bahasa Melayu. Maklumat terkumpul daripada kedua-dua kaedah ini kemudian dianalisis menggunakan kaedah perbandingan, deduktif dan induktif.

Penyelidik menggunakan landasan teori Vinay & Darbelnet bagi mengenal pasti kaedah terjemahan yang terlibat. Vinay & Darbelnet (1995) menjelaskan terdapat dua kaedah terjemahan utama iaitu terjemahan langsung dan terjemahan tidak langsung. Terjemahan langsung melibatkan terjemahan pinjaman (*borrowing*), terjemahan

serapan (*calque*), dan terjemahan harfiah (*literal*). Manakala terjemahan langsung melibatkan terjemahan transposisi, terjemahan modulasi, terjemahan setaraf (*equivalence*), terjemahan adaptasi. Justeru itu, penyelidik berpendapat teori ini sesuai dijadikan landasan teori kajian ini.

LATAR BELAKANG SAFĪNAH AL-ṢALĀH

Safīnah al-Ṣalāh disebut oleh Muhammad al-Jāwī (2005) dan Muhammad al-‘Ahdāl (1987) sebagai karya Abdullah bin Umar bin Yahya al-Ḥaḍramī. Penyelidik berpendapat beliau ialah Abdullah bin Umar bin Abu Bakar bin Umar bin Taha bin Muhammad bin Syeikh bin Ahmad bin Yahya yang berakhir nasabnya kepada Ali bin Abu Talib iaitu suami kepada Fatimah binti Rasulullah SAW (Abdullah al-Saqqāf 1357H). Menurut ‘Aydārūs (2009) Abdullah dilahirkan pada 20 Jamadilawal 1209H dan wafat pada 20 Jamadilawal 1265H. Justeru itu, tempoh hayat beliau adalah selama 56 tahun sahaja. Walaupun hidup dalam tempoh sederhana, latar belakang keilmuan yang kukuh menjadikan beliau salah seorang tokoh ulama yang disegani pada zamannya. Namun begitu, penyelidik tidak dapat memastikan tarikh Abdullah melakukan penulisan *Safīnah al-Ṣalāh*.

Perbincangan *Safīnah al-Ṣalāh* terbahagi kepada dua bahagian. Pertama bahagian akidah dan kedua fiqah. Pada bahagian akidah, Abdullah (1943) menjelaskan kewajipan pertama setiap orang Islam ialah mengiktikad dan menjazam makna kalimah syahadah dalam hati. Beliau kemudian menjelaskan makna kalimah syahadah dengan ringkas. Tegasnya, setiap orang Islam sekurangnya perlu mengetahui makna ini. Pada bahagian fiqah, Abdullah (1943) menumpukan perbincangan hukum-hakam sembahyang. Hukum-hakam ini meliputi tiga perkara iaitu syarat, rukun dan pembatal sembahyang. Beliau tidak memasukkan persoalan-persoalan khilaf berkaitan tiga perkara ini. Ketiga-tiga perkara ini perlu diketahui dan dipelajari oleh semua orang Islam sebelum menunaikan sembahyang (Muhammad al-Jāwī 2005). Setelah itu, beliau menjelaskan bacaan-bacaan dalam sembahyang.

Justeru itu, karya ini merupakan karya ringkas dan padat tentang panduan asas sembahyang.

BAHAGIAN AKIDAH *SAFĪNAH AL-ŞALĀH*

Abdullah (1943) hanya menjelaskan prinsip akidah berdasarkan permaknaan kalimah syahadah. Beliau tidak membahaskan mengikut mana-mana pendekatan akidah seperti sifat 20. Sebaliknya pendekatan beliau lebih asas (*fundamental*) yang sesuai bagi kanak-kanak, mualaf malah orang bukan Islam. Hal ini demikian sesuai dengan perintah Rasulullah SAW kepada Muaz ketika mengutuskan beliau ke Yaman (Muhammad al-Bukhārī 2012). Rasulullah SAW memerintah Muaz agar menyeru penduduk Yaman kepada pemahaman kalimah syahadah terlebih dahulu sebelum mengajarkan kewajipan sembahyang. Justeru itu, Abdullah seolah-olah mengambil contoh peristiwa ini. Beliau menghuraikan kalimah syahadah dengan ringkas dan padat sebelum memberi penjelasan tentang sembahyang.

Abdullah (1943) menegaskan tiga perkara yang dituntut daripada kalimah syahadah. Pertama mengetahui makna kalimah syahadah. Kedua mengiktikad makna kalimah syahadah dalam hati. Ketiga menyatakan penyaksian dengan kalimah syahadah sehingga diketahui orang lain. Justeru itu, seseorang dikira tidak bersyahadah tanpa melengkapkan ketiga-tiga tuntutan ini. Hal ini demikian kerana, mengetahui makna kalimah syahadah penting bagi mengeluarkan seseorang daripada taklid. Manakala mengiktikad maknanya dalam hati penting bagi mengeluarkan seseorang daripada nifaq. Sedangkan menyatakan penyaksian sehingga diketahui orang lain penting bagi mengeluarkan seseorang daripada kufur. Prinsip yang digariskan oleh Abdullah ini perlu dipatuhi sebagai syarat asas Islam seseorang. Terkeluar daripada kufur, nifaq dan taklid membolehkan seseorang itu dipanggil sebagai orang Islam sejati.

Selain itu, Abdullah (1943) menegaskan lapan perkara terkandung dalam syahadah. Pertama, Allah SWT sahaja tuhan yang layak disembah. Kedua, Allah SWT tidak memerlukan makhluk tetapi makhluk memerlukan Allah SWT. Ketiga, Allah SWT bersifat dengan semua sifat kesempurnaan yang layak baginya, suci daripada semua sifat kekurangan yang tidak layak baginya, dan tidak dapat digambarkan. Keempat, Allah SWT tidak mempunyai sekutu pada zat, sifat dan perbuatannya sama sekali. Kelima, Nabi Muhammad SAW ialah hamba serta rasul yang Allah SWT utuskan kepada setiap makhluk.

Keenam, Nabi Muhammad SAW seorang yang benar terhadap apa yang disampaikan. Ketujuh, setiap makhluk wajib membenarkan, mengikuti Nabi Muhammad SAW serta haram mendustakan dan mengingkari Nabi Muhammad SAW. Kelapan, orang yang mendustakan Nabi Muhammad SAW ialah orang yang zalim dan kafir, manakala orang yang mengingkari Nabi Muhammad SAW ialah orang yang berdosa dan rugi. Kelapan-lapan perkara ini adalah prinsip utama akidah yang perlu diiktikad setiap orang Islam.

Bahagian akidah ini diakhiri dengan lima doa untuk individu, ibu bapa, zuriat, saudara, orang yang dikasihi dan seluruh orang Islam. Doa pertama adalah agar dapat mengikuti Nabi Muhammad SAW dan ajarannya dengan sempurna. Doa kedua adalah agar dapat berpegang teguh kepada sunah Nabi Muhammad SAW dengan sempurna. Doa ketiga adalah agar tergolong dalam kalangan orang yang menjalankan syariat Nabi Muhammad SAW. Doa keempat adalah agar mati dalam Islam. Doa kelima adalah agar dikumpulkan bersama Nabi Muhammad SAW dan umatnya. Kelima-lima doa ini seolah-olah menjadi peneguh syahadah yang diungkapkan.

TERJEMAHAN AWAL BAHASA MELAYU BAHAGIAN AKIDAH DALAM *SAFĪNAH AL-ŞALĀH*

Penyelidik mengenal pasti dua terjemahan bahasa Melayu terhadap bahagian akidah *Safīnah al-Şalāh*. Kedua-dua terjemahan ini dapat dianggap terjemahan terawal dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian mengambil kira anggaran tarikh penulisan kedua-dua terjemahan iaitu dalam jarak tempoh terdekat dengan tarikh anggaran *Safīnah al-Şalāh* ditulis. Berikut merupakan maklumat ringkas dan teks transliterasi setiap terjemahan. Penyelidik menjelaskan maklumat terjemahan daripada sudut latar belakang karya terjemahan dan bilangan patah perkataan. Bagi transliterasi, penyelidik menggunakan edisi cetakan kedua-dua terjemahan sebagai rujukan. Hal ini demikian kerana, edisi manuskrip kedua-duanya sukar didapati. Selain itu, edisi cetakan kedua-duanya sudah menyebar dengan meluas dalam kalangan masyarakat.

1. Terjemahan tanpa penama (A)

Nama penterjemah teks ini tidak dapat dipastikan (Wan Mohd Saghīr 2019). Malah tarikh terjemahan ini siap juga tidak disebut. Namun begitu, naskhah cetakan terjemahan ini telah dicetak pada akhir Ramadan 1332H mengiringi *Ward al-Zawāhir*

li *Hall Alfāz 'Uqdah al-Jawāhir* karya Syeikh Daud al-Faṭānī (2019). Penyelidik berpendapat terjemahan ini dilakukan selepas penulisan *Ward al-Zawāhir li Hall Alfāz 'Uqdah al-Jawāhir* pada 9 Rejab 1245H. Hal ini demikian kerana ia dicetak sebagai iringan akhir *Ward al-Zawāhir li Hall Alfāz 'Uqdah al-Jawāhir*. Terdapat kemungkinan terjemahan ini ditulis dalam lembaran manuskrip yang sama sebelum dicetak. Selain itu, terjemahan ini mengandungi 710 patah perkataan. Terjemahan ini berada di bawah judul faedah. Berikut teks transliterasi lengkap terjemahan ini:

“Faedah ini akidah mukhtasar lagi pendek yang tadapat tiada kita iktikad bagi hak Allah dan hak *rusuluh* Adapun makna *ashhad an lā ilāh illā Allāh* itu yaitu telah aku ketahui dan aku iktikadkan dan aku tasdikkan pada hatiku dan telah aku ikrarkan dengan lidahku dan aku nyatakan bagi orang yang lain daripada aku tiada tuhan yang disembah dengan sebenarnya pada wujud ini melainkan Allah subhanahuwataala. Dan bahawasanya ialah tuhan yang amat kaya yang sebenar-benar kaya daripada tiap-tiap yang lainnya lagi yang dikehendak kepadanya oleh segala yang lainnya. Dan ialah tuhan yang bersifat ia dengan tiap-tiap sifat sifat yang kesempurnaan dan kemuliaannya. Dan ialah tuhan yang Maha Suci daripada tiap-tiap sifat yang kekurangan yang tiada patut bagi kebesarannya. Dan tiap-tiap barang yang terlintas pada hati seorang dan barang yang dapat terfikir atau dapat terupa pada hati manusia maka sekaliannya itu baharu yang binasa. Dan Allah tuhan kita bersalahan daripada yang demikian itu. Maka tiada Allah subhanahuwataala menyama dengan sesuatu dan tiada pula meupamakan dia oleh sesuatu. Dan Maha Suci ia daripada bertaulan dan beranak dan diperanakkan dia. Dan Maha Sucilah tuhan kita itu dibandingkan zatnya oleh segala zat yang lain. Dan Maha Suci pula segala sifatnya itu meyerupa akan dia oleh segala sifat yang lain. Dan Maha Sucilah afalnya itu diupamakan oleh segala afal yang lain. Dan tiada dapat mengenal akan kunhi zatnya dan tiada pula mengenal akan hakikat sifat dan tiada dapat mengetahui akan segala afalnya oleh seorang tiada nabi yang mursal dan tiada segala malaikat yang muqarrabīn melainkan Allah subhanahuwataala yang mengetahui akan dirinya. Maka adalah sekarang seperti adanya dahulu jua sebelum lagi dijadikan kawn ini. Tiada melalui atasnya zaman dan tiada meliputi di dalam *makān*. Bersama ia di atas Arasnya yang berpatutan dengan kebesarannya seperti barang yang dikehendaknya. Dan ialah hidup dengan hayatnya yang kuasa dengan kudratnya yang berkehendak ia dengan iradatnya yang mengetahui dengan ilmunya yang qadim yang berkata-kata dengan kalamnya yang qadim yang mendirikan tujuh petala langit dan bumi tiada mengambil akan dia mengantuk dan tidur. Ialah yang mempunyai sifat Jalal dan Ikram Dan makna *wa ashhad ann Muhammad Rasūl Allāh* itu yaitu aku ketahui dan aku iktikadkan yang putus dan aku benarkan dengan hatiku dan aku ikrarkan dengan lidahku dan aku nyatakan bagi yang lain daripada aku bahawasanya ia namanya Muhammad sallaallahualaihiwasallam anak sayidina Abdullah anak 'Abd al-Muṭṭalib anak Hashim, bondanya Siti Aminah anak Wahab itu yaitu hambanya dan pesuruhnya disuruhkan kepada segala makhluk. Benar ia pada tiap-tiap barang yang dikhabarnya dengan dia lagi keperchayaankan atas segala titahnya dan yang ditegahnya dan atas israk ruhnya lagi menyampaikan barang

yang disuruhnya sampaikan kepada segala umatnya. Dan Wajib kita membenarkan dia dan meiktikadkan keperchayaan dan menyampaikan segala hukum disuruh sampaikan kepada segala makhluk dan wajib atas kita mengikut akan dia pada segala barang yang disuruhnya dan menjauhkan akan segala yang ditegahnya dan haram lagi jadi kafir orang yang mendustakan dia atau yang syakkan sebenarnya barang yang didatangnya daripada Allah dan yang menyalahi akan dia maka barang siapa mendustakan dia kafir yang dikekalkan di dalam neraka dan barang siapa menyalahi akan dia maka yaitu asi *fa'ulā'ik hum al-khāsirūn*. Dan wajib kita perchaya akan Allah dan barang yang dititah Allah dan kita perchaya akan rasulnya dan barang yang disabdanya barang yang dikhabarkan dan wajib pula kita perchaya adalah bagi Allah subhanahuwataala anbiyanya dan *rusulnya* dan malaikat yang tiada dapat disehingga-hinggakan banyaknya melainkan tuhan yang menjadikan dia dan kutubnya yang turun dilangit dan hari kiamat dan barang yang terkandung di dalamnya seperti bangkit daripada kubur dan *dihasharkan* pada padang Mahsyar dan hisab dan timbang akan segala amalnya dan meniti Siratal Mustakim dan melihat akan tuhan pada akhirat bagi segala orang yang mukminin dan syurga dan neraka dan demikian lagi kita perchaya dengan qada dan kadar baiknya dan jahatnya sekalian itu daripada Allah yang menghukumkan dengan sekehendaknya tiada ditanyakan akan segala perbuatannya dan tetapi mereka itu lagi akan ditanyakan sekaliannya pada hari kiamat. Hei Tuhanku beri taufik bagi kami akan kesempurnaan mengikut nabinya dan beri rezeki akan kami kesempurnaan memegang dengan syariatnya dan tarekatnya dan mati akan kami atas agamanya dan millahnya dan bangkit akan kami di dalam perhimpunannya dan bagi ibu bapak kami dan anak buah kami dan segala saudara kami dan segala muslimin dengan berkat kemegahan penghulu *Sayyid al-Mursalīn* dan dengan keluarganya dan sahabatnya *ajma'in yā arham al-rāḥimīn*”.

2. Terjemahan Syed Muhammad bin Zainal Abidin (B)

Nama penterjemah teks ini ialah Syed Muhammad bin Zainal Abidin yang terkenal dengan panggilan Tokku Tuan Besar. Beliau merupakan salah seorang ulama Terengganu yang dilahirkan pada tahun 1211H dan wafat pada 17 Muharam 1295H (Syed Abi Ghufuran 2014). Justeru itu, beliau hidup selama 84 tahun. Menurut Ismail Che Daud (2012) beliau sempat berguru dengan Abdullah bin Umar bin Yahya al-Ḥaḍramī semasa belajar di Mekah. Oleh itu, faktor pemilihan *Safīnah al-Ṣalāh* sebagai bahan terjemahan berkemungkinan kerana karya ini adalah karya guru beliau sendiri. Beliau menamakan terjemahan ini sebagai *Ḍiyā' 'Uqūd al-Durratayn fī Tarjamah Kalimatay al-Shahādatayn* (Syed Muhammad 1986). Namun begitu, tarikh terjemahan ini siap tidak dapat dipastikan. Penyelidik berpendapat Tokku Tuan Besar melakukan terjemahan ini setelah beliau pulang dari Mekah pada tahun 1263H (Syed Abi Ghufuran 2014). Hal ini demikian agar dapat dirujuk oleh murid beliau dan masyarakat tempatan di Terengganu. Selain itu,

terjemahan ini mengandungi 359 patah perkataan. Berikut teks transliterasi lengkap terjemahan ini:

“*Bism Allāh al-Raḥmān al-Raḥīm. Ashhad an lā ilāh illā Allāh wa ashhad ann Muḥammad Rasūl Allāh. ashhad an lā ilāh illā Allāh.* Ertinya aku ketahui dan aku iktikad dengan hatiku dan aku nyatakan bagi yang lain daripada aku akan bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yg disembah dengan sebenarnya melainkan Allah jua yang kaya ia daripada tiap-tiap yang lain daripadanya dan berkehendak oleh tiap-tiap yang lain itu kepadanya. Lagi yang bersifat ia dengan tiap-tiap sifat kesempurnaan dan Maha Suci ia daripada segala kekurangan dan daripada barang yang terlintas ia di dalam segala hati daripada barang yg tiada patut ia baginya lagi tiada beristeri dan tiada anak dan tiada yang memperanakkan baginya. Dan tiada menyamai ia pada zatnya dan sifatnya dan afalnya akan seseorang maka ialah Tuhan yg menjadi ia akan segala makhluk yang *ulwinya* dan yang *suffīnya* lagi ketunggalan ia pada mengadakan dan meniadakan dengan kekerasan takluk kudrat dan iradatnya maka terserahlah segala *kāināt* ini semuanya pada bawah perintahannya dan tiadalah jenis *i`tirād* bagi seseorang jua pun akan kehendaknya. *Wa ashhad ann Muḥammad Rasūl Allāh* dan aku ketahui dan aku iktikad dengan hatiku dan aku nyatakan bagi yang lain daripada aku akan bahawa sesungguhnya penghulu kita Nabi Muhammad anak Abdullah itu hamba Allah dan pesuruhnya kepada sekalian makhluk lagi sangat benar ia pada tiap-tiap barang yang ia khabarkan dengan dia daripada Tuhannya. Maka wajiblah atas tiap-tiap makhluk itu membenarkan dia dan mengikut akan dia dan haram atas mereka itu mendusta akan dia atau menyalahi akan dia maka barang siapa yang mendusta ia akan dia maka orang itu zalim ia lagi kafir ia, dan barang siapa yang menyalahi ia akan dia maka orang itu derhaka ia lagi binasa ia. Mudah-mudahan memberi taufik akan kita oleh Allah bagi sempurna mengikut akan dia dan mengurniakan ia bagi kita akan sempurna berpegang dengan jalannya dan menjadi ia akan kita akan setengah daripada orang yang menghidup ia akan segala hukum syariatnya dan memati

ia akan kita atas agamanya dan menghimpun ia akan kita serta perhimpunannya. Demikian lagi segala yang berperanakan akan kita dan ahli kita dan segala saudara kita dan yang kasih ia akan kita dan segala sahabat kita daripada segala orang yang muslimin. Amin.”

Walaupun kedua-dua terjemahan ini tidak dapat dipastikan dengan tepat tempoh ia disiapkan. Penulis berpendapat terjemahan A disiapkan lebih awal daripada terjemahan B yang mungkin dihasilkan selepas 1263H. Hal ini demikian kerana A dicetak bersama *Ward al-Zawāhir li Ḥall Alfāz `Uqdah al-Jawāhir* yang siap pada 9 Rejab 1245H. Terdapat kemungkinan A ditulis sejurus selesai *Ward al-Zawāhir li Ḥall Alfāz `Uqdah al-Jawāhir*. Justeru itu, terdapat kemungkinan kedua-dua terjemahan ini dihasilkan dalam tempoh hayat Abdullah sendiri yang wafat pada 1265H.

PERBANDINGAN TERJEMAHAN BAHAGIAN AKIDAH *SAFĪNAH AL-ṢALĀH*

Bagi mengenal pasti perbezaan kaedah terjemahan yang digunakan, penyelidik membandingkan teks asal bahagian akidah *Safīnah al-Ṣalāh* dengan kedua-dua terjemahan. Teks asal dibahagikan kepada sembilan bahagian. Setelah itu, teks ini dibandingkan dengan terjemahan A dan B terhadap setiap bahagian. Penyelidik menggunakan simbol [...] sebagai lambang teks gugur dalam terjemahan dan simbol [**digelapkan**] (*bold*) sebagai lambang teks yang ditambah dalam terjemahan.

Bahagian 1

Teks asal	بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ أُولَ مَا يَجِبُ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ اعْتِقَادَ مَعْنَى الشَّهَادَتَيْنِ وَتَضَمِيمَ قَلْبِهِ عَلَيْهِ
A	[...] [Faedah ini akidah mukhtasar lagi pendek yang tadapat tiada kita iktikad bagi hak Allah dan hak rusuluh]
B	<i>Bism Allāh al-Raḥmān al-Raḥīm. [...] [Ashhad an lā ilāh illā Allāh wa ashhad ann Muḥammad Rasūl Allāh. Ashhad an lā ilāh illā Allāh]</i>

Pada A dan B tidak mengandungi terjemahan lengkap teks asal. Malah A tidak mempunyai terjemahan sama sekali sebaliknya diganti dengan satu penambahan teks. Manakala B mempunyai satu

pengurangan dan satu penambahan teks. Justeru itu, A dan B merupakan terjemahan transposisi dalam bahagian ini.

Bahagian 2

Teks asal	وَمَعْنَى أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ أَعْلَمُ وَأَعْتَقِدُ بِقَلْبِي وَأُبَيِّنُ لِعَبْرِي أَنْ لَا مَعْبُودَ سِوَى اللَّهِ فِي الْوُجُودِ إِلَّا اللَّهُ
A	Adapun makna <i>ashhad an lā ilāh illā Allāh</i> itu yaitu telah aku ketahui dan aku iktikadkan [dan aku tasdikkan] pada hatiku [dan telah aku ikrarkan dengan lidahku] dan aku nyatakan bagi orang yang lain daripada aku tiada tuhan yang disembah dengan sebenarnya pada wujud ini melainkan Allah [subhanahuwataala]
B	[...] <i>Ashhad an lā ilāh illā Allāh</i> ertinya aku ketahui dan aku iktikad dengan hatiku dan aku nyatakan bagi yang lain daripada aku akan bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yg disembah dengan sebenarnya [...] melainkan Allah jua

Pada A mengandungi terjemahan lengkap teks asal berbeza dengan B. Malah A mempunyai huraian teks pada tiga tempat. Manakala B mempunyai pengurangan teks pada dua tempat. Justeru itu, A dan B merupakan terjemahan adaptasi dalam bahagian ini.

Bahagian 3

Teks asal	وأنه غني عما سواه مفتقر إليه كل ما عداه
A	Dan bahawasanya ialah tuhan yang amat kaya [yang sebenar-benar kaya daripada tiap-tiap yang lainnya] lagi yang dikehendak kepadanya oleh segala yang lainnya
B	[...] yang kaya ia daripada tiap-tiap yang lain daripadanya dan berkehendak oleh tiap-tiap yang lain itu kepadanya

Pada A mengandungi terjemahan lengkap teks asal berbeza dengan B. Malah A mempunyai huraian teks pada satu tempat. Manakala B mempunyai pengurangan teks pada satu tempat. Justeru itu, A dan B merupakan terjemahan adaptasi dalam bahagian ini.

Bahagian 4

Teks asal	متصف بكل كمال منزّه عن كل نقص وما خطر بالبال
A	Dan ialah tuhan yang bersifat ia dengan tiap-tiap sifat sifat yang kesempurnaan [dan kemuliaannya]. Dan ialah tuhan yang Maha Suci daripada tiap-tiap sifat yang kekurangan [yang tiada patut bagi kebesarannya]. Dan tiap-tiap barang yang terlintas pada hati seorang [dan barang yang dapat terfikir atau dapat terupa pada hati manusia maka sekaliannya itu baharu yang binasa. Dan Allah tuhan kita bersalahan daripada yang demikian itu. Maka tiada Allah subhanahuwataala menyama dengan sesuatu dan tiada pula meupamakan dia oleh sesuatu]
B	Lagi yang bersifat ia dengan tiap-tiap sifat kesempurnaan dan Maha Suci ia daripada segala kekurangan dan daripada barang yang terlintas ia di dalam segala hati [daripada barang yg tiada patut ia baginya]

Pada A dan B mengandungi terjemahan lengkap teks asal. Malah kedua-duanya mempunyai huraian teks. Pada A mempunyai huraian teks pada tiga tempat. Manakala B mempunyai huraian teks pada satu tempat. Justeru itu, A dan B merupakan terjemahan adaptasi dalam bahagian ini.

Bahagian 5

Teks asal	لم يتخذ صاحبة ولا ولدا ولا بمائل في ذاته وصفاته وأفعاله أحدا
A	Dan Maha Suci ia daripada bertaulan dan beranak [dan diperanakkan dia]. Dan Maha Sucilah tuhan kita itu dibandingkan zatnya [oleh segala zat yang lain]. Dan Maha Suci pula segala sifatnya [itu meyerupa akan dia oleh segala sifat yang lain]. Dan Maha Sucilah afalnya [itu diupamakan oleh segala afal] yang lain. [Dan tiada dapat mengenal akan kunhi zatnya dan tiada pula mengenal akan hakikat sifat dan tiada dapat mengetahui akan segala afalnya oleh seorang tiada nabi yang mursal dan tiada segala malaikat yang muqarrabīn melainkan Allah subhanahuwataala yang mengetahui akan dirinya. Maka adalah sekarang seperti adanya dahulu jua sebelum lagi dijadikan kawn ini. Tiada melalui atasnya zaman dan tiada meliputi di dalam makān. Bersama ia di atas Arasnya yang berpatutan dengan kebesarannya seperti barang yang dikehendaknya. Dan ialah hidup dengan hayatnya yang kuasa dengan kudratnya yang berkehendak ia dengan iradatnya yang mengetahui dengan ilmunya yang qadim yang berkata-kata dengan kalamnya yang qadim yang mendirikan tujuh petala langit dan bumi tiada mengambil akan dia mengatuk dan tidur. Ialah yang mempunyai sifat Jalal dan Ikram]
B	lagi tiada beristeri dan tiada anak [dan tiada yang memperanakkan baginya]. Dan tiada menyamai ia pada zatnya dan sifatnya dan afalnya akan seseorang [maka ialah Tuhan yg menjadi ia akan segala makhluk yang ulwinya dan yang suflinya lagi ketunggalan ia pada mengadakan dan meniadakan dengan kekerasan takluk kudrat dan iradatnya maka terserahlah segala kā'ināt ini semuanya pada bawah perintahannya dan tiadalah jenis i'tirād bagi seseorang jua pun akan kehendaknya]

Pada A dan B mengandungi terjemahan lengkap teks asal. Malah kedua-duanya mempunyai penambahan dan huraian teks. Pada A mempunyai penambahan teks pada satu tempat dan huraian teks pada empat tempat. Manakala B mempunyai penambahan teks pada satu tempat dan huraian teks pada satu tempat. Justeru itu, A dan B merupakan terjemahan adaptasi dalam bahagian ini.

Bahagian 6

Teks asal	ومعنى أشهد أن محمد رسول الله أعلم وأعتقد بقلبي وأبين لغيري أن سيدنا محمد بن عبد الله عبد الله ورسوله إلى كافة الخلق صادق فيما أخبر به
A	Dan makna <i>wa ashhad ann Muhammad Rasūl Allāh</i> itu yaitu aku ketahui dan aku iktikadkan yang putus dan aku benarkan dengan hatiku [dan aku ikrarkan dengan lidahku] dan aku nyatakan bagi yang lain daripada aku bahawasanya [ia namanya] [...] Muhammad [sallaallahualaihiwasallam] anak [sayidina] Abdullah [anak `Abd al-Muṭṭalib anak Hashim, bondanya Siti Aminah anak Wahab] itu yaitu hambanya dan pesuruhnya disuruhkan kepada segala makhluk. Benar ia pada tiap-tiap barang yang dikhabarnya dengan dia [lagi keperchayaan atas segala titahnya dan yang ditegahnya dan atas israk ruhnyanya lagi menyampaikan barang yang disuruhnya sampaikan kepada segala umatnya]
B	<i>Wa [...]</i> <i>ashhad ann Muhammad Rasūl Allāh</i> dan aku ketahui dan aku iktikad dengan hatiku dan aku nyatakan bagi yang lain daripada aku akan bahawa sesungguhnya penghulu kita Nabi Muhammad anak Abdullah itu hamba Allah dan pesuruhnya kepada sekalian makhluk lagi sangat benar ia pada tiap-tiap barang yang ia khabarkan dengan dia daripada Tuhannya

Pada A dan B tidak mengandungi terjemahan lengkap teks asal. Malah A mempunyai penambahan teks pada tiga tempat, huraian teks pada tiga tempat dan pengurangan teks pada satu tempat. Manakala

B mempunyai pengurangan teks pada satu tempat. Justeru itu, A dan B merupakan terjemahan adaptasi dalam bahagian ini.

Bahagian 7

Teks asal	يجب على كافة الخلق تصديقه ومتابعته ويحرم عليهم تكذيبه ومخالفته
A	Dan Wajib kita membenarkan dia [dan meiktikadkan keperchayaan dan menyampaikan segala hukum disuruh sampaikan] kepada segala makhluk dan wajib atas kita mengikut akan dia [pada segala barang yang disuruhnya dan menjauhkan akan segala yang ditegahnya] dan haram [lagi jadi kafir] orang yang mendustakan dia [atau yang syakkan sebenarnya barang yang didatangnya daripada Allah] dan yang menyalahi akan dia
B	[Maka] wajiblah atas tiap-tiap makhluk itu membenar akan dia dan mengikut akan dia dan haram atas mereka itu mendusta akan dia atau menyalahi akan dia

Pada A dan B mengandungi terjemahan lengkap teks asal. Malah kedua-duanya mempunyai huraian teks. Pada A mempunyai huraian teks pada empat tempat.

Manakala B mempunyai huraian teks pada satu tempat. Justeru itu, A dan B merupakan terjemahan adaptasi dalam bahagian ini.

Bahagian 8

Teks asal	فمن كذبه فهو ظالم كافر ومن خالفه فهو عاص خاسر
A	maka barang siapa mendustakan dia kafir yang dikedalkan di dalam neraka dan barang siapa menyalahi akan dia maka yaitu asi [...] [<i>fa 'ulā'ik hum al-khāsirūn</i> . Dan wajib kita percahaya akan Allah dan barang yang dititah Allah dan kita percahaya akan rasulnya dan barang yang disabdanya barang yang dikhabarkan dan wajib pula kita percahaya adalah bagi Allah subhanahuwataala anbiyanya dan <i>rusulnya</i> dan malaikat yang tiada dapat disehingga-hinggakan banyaknya melainkan tuhan yang menjadikan dia dan kutubnya yang turun dilangit dan hari kiamat dan barang yang terkandung di dalamnya seperti bangkit daripada kubur dan <i>dihasharkan</i> pada padang Mahsyar dan hisab dan timbang akan segala amalnya dan meniti siratal mustakim dan melihat akan tuhan pada akhirat bagi segala orang yang mukminin dan syurga dan neraka dan demikian lagi kita percahaya dengan qada dan kadar baiknya dan jahatnya sekalian itu daripada Allah yang menghukumkan dengan sekehendaknya tiada ditanyakan akan segala perbuatannya dan tetapi mereka itu lagi akan ditanyakan sekaliannya pada hari kiamat]
B	maka barang siapa yang mendusta ia akan dia maka orang itu zalim ia lagi kafir ia, dan barang siapa yang menyalahi ia akan dia maka orang itu derhaka ia lagi binasa ia

Pada A tidak mengandungi terjemahan lengkap teks asal berbeza dengan B. Malah A mempunyai penambahan teks pada satu tempat dan pengurangan teks pada satu tempat. Manakala B tidak mempunyai

penambahan dan pengurangan teks. Justeru itu, A merupakan terjemahan adaptasi, manakala B merupakan terjemahan harfiah dalam bahagian ini.

Bahagian 9

Teks asal	وفقنا الله لكمال متابعتة ورزقنا كمال التمسك بسنته وجعلنا ممن يحيي أحكام شريعته وتوفانا على ملته وحشرنا في زمرة ووالدينا وأولادنا وإخواننا وأحبابنا وجميع المسلمين آمين. Hei Tuhanku beri taufik bagi kami akan kesempurnaan mengikut nabinya dan beri rezeki akan kami kesempurnaan memegang dengan [...] syariatnya [dan tarekatnya] dan mati akan kami atas [agamanya dan] millahnya dan bangkit akan kami di dalam perhimpunannya dan bagi ibu bapak kami dan anak buah kami dan segala saudara kami [...] dan segala muslimin [dengan berkat kemegahan penghulu Sayyid al-Mursalīn dan dengan keluarganya dan sahabatnya ajma`in yā arḥam al-rāḥimīn][...]
A	Mudah-mudahan memberi taufik akan kita oleh Allah bagi sempurna mengikut akan dia dan mengukurnia ia bagi kita akan sempurna berpegang dengan jalannya dan menjadi ia akan kita akan setengah daripada orang yang menghidup ia akan segala hukum syariatnya dan memati ia akan kita atas agamanya dan menghimpun ia akan kita serta perhimpunannya. Demikian lagi segala yang berperanak akan kita dan ahli kita dan segala saudara kita dan yang kasih ia akan kita dan segala sahabat kita daripada segala orang yang muslimin. Amin
B	

Pada A tidak mengandungi terjemahan lengkap teks asal berbeza dengan B. Malah A mempunyai penambahan teks pada satu tempat, huraian teks pada dua tempat, dan pengurangan teks pada dua tempat. Manakala B tidak mempunyai penambahan dan pengurangan teks. Justeru itu, A merupakan terjemahan adaptasi, manakala B merupakan terjemahan harfiah dalam bahagian ini.

ANALISIS PERBANDINGAN TERJEMAHAN A DAN B

Selepas perbandingan dijalankan, penyelidik mendapati A melibatkan terjemahan adaptasi dan transposisi. Manakala B melibatkan terjemahan adaptasi, transposisi dan harfiah. Bagi menjelaskan lagi perbezaan ini, berikut jadual perbezaan bentuk terjemahan A dan B:

JADUAL 1. Perbezaan bentuk terjemahan A dan B

Terjemahan	Bentuk terjemahan		
	Adaptasi	Transposisi	Harfiah
A	8	1	0
B	7	1	2

Terjemahan adaptasi melibatkan pengurangan, penambahan dan huraian daripada teks asal. Penggunaan terjemahan ini membolehkan penterjemah menyesuaikan teks yang diterjemah kepada bahasa sasaran agar mudah difahami. Dalam konteks ini, semua terjemahan bahagian akidah *Safīnah al-Ṣalāh* dalam A dan B disesuaikan kandungannya dalam bahasa Melayu kecuali bahagian pertama dalam A, dan bahagian pertama, lapan dan sembilan dalam B. Unsur pengurangan, penambahan dan huraian dapat diperhatikan dengan jelas dalam jadual perbandingan lalu. Oleh itu, A mengandungi lapan terjemahan adaptasi manakala B mengandungi tujuh terjemahan adaptasi.

Terjemahan transposisi melibatkan perubahan struktur ayat daripada teks asal tanpa mengubah makna. Penggunaan terjemahan ini membolehkan penterjemah menyampaikan maksud teks yang diterjemah kepada bahasa sasaran dengan jelas. Dalam konteks ini, hanya terjemahan bahagian pertama akidah *Safīnah al-Ṣalah* dalam A dan B terlibat. Unsur perubahan ini melibatkan

penambahan judul dan pendahuluan sebagai penjelasan maksud teks.

Terjemahan harfiah pula melibatkan keselarian antara teks yang diterjemah dengan teks asal. Penggunaan terjemahan ini membolehkan penterjemah menjelaskan maksud teks yang diterjemah kepada bahasa sasaran dengan tepat. Dalam konteks ini, hanya terjemahan bahagian lapan dan sembilan akidah *Safīnah al-Ṣalāh* terlibat. Unsur keselarian ini membolehkan setiap patah perkataan teks asal diketahui maknanya dalam bahasa Melayu dengan tepat.

KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan kaedah terjemahan dalam A dan B. Perbezaan kaedah terjemahan ini menyebabkan A mempunyai teks yang lebih panjang daripada B. A mempunyai 710 patah perkataan manakala B mempunyai 359 patah perkataan. Justeru itu, perbezaan antara keduanya adalah sebanyak 351 patah perkataan.

Meskipun A lebih panjang daripada B, masing-masing mempunyai peranan tertentu mengikut tujuan terjemahan dilakukan. Oleh itu, penyelidik berpendapat A lebih sesuai untuk pemahaman akidah berbanding B. Hal ini demikian kerana, A mempunyai terjemahan adaptasi lebih banyak berbanding B. Manakala B pula lebih sesuai dijadikan hafalan untuk pengukuhan akidah berbanding A. Hal ini demikian kerana B lebih ringkas dan mempunyai terjemahan harfiah yang tidak ada pada A.

CADANGAN

Oleh sebab kajian ini adalah sebuah penelitian awal, penyelidik menyertakan tiga cadangan sebagai panduan penyelidik akan datang bagi memberi nilai tambah yang lebih bermakna (*significant*) terhadap kajian ini:

1. Mengumpulkan naskhah-naskhah A dan B sama ada dalam bentuk manuskrip atau cetakan. Hal ini demikian kerana pengumpulan naskhah ini dapat menjadi asas kajian tahkik. Selain itu juga, maklumat kedua-duanya dengan lebih terperinci dapat ditelusuri.
2. Menganalisis sumber penambahan dalam A dan B. Hal ini demikian kerana analisis sumber membantu dalam mengenal pasti

Amirul Hisham Afandi
Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Emel: amirulhishamafandi@gmail.com

Mohd Zulkifli Talib
Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Emel: mohdzulkifli07@gmail.com

kecenderungan penterjemah dalam penambahan mereka. Justeru itu, pemikiran mereka dapat dikenal pasti dengan jelas.

3. Membina (*construct*) model kefahaman akidah berdasarkan A dan B. Hal ini demikian kerana pendekatan akidah dalam A dan B yang mudah dapat dijadikan pengukur (*indicator*) kepada kefahaman akidah masyarakat.

RUJUKAN

- ʿAydārūs. 2009. *ʿIqd al-Yawāqīt al-Jawhariyyah wa Simṭ al-ʿAyn al-Dhahabiyah bi Dhikr tariq al-Sādāt al-ʿAlawiyah*. Tarīm: Dār al-ʿIlm wa al-Daʿwah.
- Abdullah al-Saqqāf. 1357H. *Tārīkh Shuʿarāʾ al-Ḥaḍramiyyīn*. Maydān al-Mirṣad: Maṭbaʿah al-Rushdiyyāt.
- Abdullah. 1943. *Safīnah al-Ṣalāh*. Mesir: Maṭbaʿah al-Ḥalabī.
- Muhammad al-ʿAhdāl. 1987. *Sharḥ Safīnah al-Ṣalāh*. Mekah: Maktabah al-Ṭālib al-Jāmiʿī.
- Muhammad al-Bukhārī. 2012. *al-Jāmiʿ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min ʿUmūr Rasūl Allāh wa Sunanih wa ʿAyyāmih*. Kaherah: Dār al-Taʿšīl.
- Muhammad al-Jāwī. 2005. *Sullam al-Munājāh Sharḥ Safīnah al-Ṣalāh*. Beirut: Dar Ibn Ḥazm.
- Syed Abi Ghufuran. 2014. *Sejarah Keturunan Syed al-ʿIdrus di Terengganu*. Wakaf Mempelam: Syed Abi Ghufuran.
- Syed Muhammad. 1986. *Ḍiyāʾ ʿUqūd al-Durratayn fī Tarjamah Kalimatay al-Shahādātayn*. t.p: t.t.
- Syeikh Daud al-Faṭānī. 2019. *Ward al-Zawāhir li Ḥall Alfāz ʿUqdah al-Jawāhir*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Vinay & Darbelnet. 1995. *Comparative Stylistic of French and English: A Metodologi of Translation*. Terj. Juan C.Sager & M.-J. Hamel. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Wan Mohd Saghir. 2019. *Warduz Zawahir: Kitab Usuluddin yang Terbesar di Dunia Melayu Karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani*. Dlm. Syeikh Daud al-Faṭānī. *Ward al-Zawāhir li Ḥall Alfāz ʿUqdah al-Jawāhir*, hlm. 1-24. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.